

# Nasihat kepada PAS, jangan terlalu ekstrim

DUNGUN, 14 Jun — Ketua Pengerangan UMNO Malaysia, Datuk Haji Husain Ahmad menasihatkan ahli-ahli PAS jangan terlalu ekstrim dalam meneruskan perjuangan parti.

Katanya, cara ini boleh menghancurkan PAS sendiri dan jika PAS baceur ia memalukan bangsa Melayu khususnya umat Islam.

Berucap di perjumpaan ketua dan Setiausaha cawangan UMNO dalam bahagian Dungun kelmarin, beliau berkata tindak-tanduk pemimpin PAS sekarang seperti orang hilang pedoman.

"Duar PAS memperjuangkan Islam, tetapi tindak-tanduk pemimpin mereka berpelembang dari kehendak Islam," ujarnya.

Bellau berharap pemimpin PAS mengkaji semula sama ada tindak-tanduk mereka sekarang betul-betul mengikut Islam atau sebaliknya.

## Mengkaji

"Saya juga berharap pemimpin PAS mengkaji baik buruknya terhadap masa depan orang Melayu basutan mereka supaya rakyat menjadi segala kemajuan," ujarnya.

Katanya, pemimpin parti itu juga harus mengkaji secara mendalam kesan dari isu kafir mengkafir, sejauh mana membawa faedah atau sebaliknya kepada umat Islam.

"Jika ia merugikan umat Islam, dan cuma menguntungkan beberapa kerat oportunis sahaja, maka pertubuhan itu hendaklah dibenarkan," tambahnya.

Datuk Haji Husain kemudian mengesyorkan Pengerangnya PAS Terengganu, Haji Abdul Hadi Awang menjalankan dakwah berterus-tulus dakwah yang tidak terikat dengan mata-mata sahman politik.